

Vandalisme punca lif rosak

JMB, penduduk kena main peranan pastikan kemudahan terjaga

BA 13/6/13 MS 24

KLANG - Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar Negeri Selangor, Iskandar Abdul Samad mengesahkan kerja membaik pulih lif di Pangsapuri Taman Permai Indah, di sini, dimulakan 22 Mac 2010.

Iskandar berkata, setelah kerja baik pulih selesai, Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan kepada lif terbabit pada 27 Julai, 7 Julai, 10 Ogos dan 22 November 2010.

Menurutnya, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) turut mengeluarkan Sijil Perakuan Kelayakan Mesin Angkat (PMA) pada 29 Disember 2010, sebagai pengesahan lif tersebut selamat digunakan. "Kerajaan negeri menyerahkan lif tersebut dalam keadaan baik dan ia disahkan JKKP kepada penduduk melalui JMB.

"Jadi, JMB dan penduduk bertanggungjawab memastikan lif ter-

Penduduk kesal peruntukan RM1.5 juta 'lesap'

PANDAMARAN - Tira kira 20 wad penduduk Pangsapuri Taman Permai Indah terkejut memuat laporan berisikan peruntukan sebanyak RM1.5 juta yang dialokasikan kerajaan negeri untuk memulakan lif di Pangsapuri berkenaan masih kekal dalam keadaan daf dan memabutkan.

"Penduduk setiap hari terpaksa memperjuangkan nyawa menggunakan lif yang uzur itu setiapnya kerana negeri perlu memikul tanggungjawab dalam memastikan setiap dana yang dikeluarkan dilaksanakan sehingga selesai," katanya selepas membuat laporan di Balai Polis Pandamaran, semalam.

perkerja ini sudah banyak kali diingkarkan sebarang insiden namun penduduk kesal apabila hanya ditakrifkan peruntukan yang dibeli untuk proses penyelenggaraan itu hilang.



Prokrah (tengah) bersama 20 wad penduduk membuat laporan di Balai Polis Pandamaran, semalam.

"Jika ia benar berlaku, mereka perlu menyoal bagaimana peruntukan sehingga RM1.5 juta itu boleh hilang-mudah itu, rakyat mahukan penjelasan mengenai kes ini," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri akan menawarkan lif di Pangsapuri Taman Permai Indah, dibaik pulih di bawah projek Ceria.

"Namun, masalah vandalisme perlu diselesaikan dahulu. Tiada gunanya membaik pulih lif tersebut tetapi akan dirosakkan semula.

"Jadi, JMB perlu memainkan peranan dan Pegawai Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbadanan Klang (MPK) akan diarah membantu nanganannya," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri tidak lagi menanggung 100 peratus kos baik pulih dengan mewujudkan Program Baik pulih Negeri Berkebajikan (Ceria).

"Dengan program itu, kerajaan negeri hanya menanggung 80 peratus kos manakala 20 peratus lagi ditanggung penduduk secara ansuran.

"Kerajaan negeri berpandang-

Laporan Sinar Harian, 10 Jun lalu.

sebut diselenggara dan berkeadaan baik sebaik diserahkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan *Sinar Harian* 10 Jun lalu, mengenai kekesalan penduduk terhadap peruntukan RM1.5 juta bagi penyelenggaraan lif di pangsapuri terbabit yang didakwa lesap.

Dalam pada itu, beliau berkata, Lembaga Perumahan dan Hartanah

Selangor (LPHS) melakukan semakan inventori menyeluruh untuk bangunan bertingkat di seluruh Negeri Selangor, November 2011.

"Hasil semakan pada 29 November 2011 mendapati 6 lif di Pangsapuri Taman Permai Indah rosak dan dua lagi tidak memuaskan.

"Pemerhatian menunjukkan kerosakan lif itu disebabkan perbuatan

vandalisme," katanya.

Menurutnya, kerajaan negeri akan menawarkan lif di Pangsapuri Taman Permai Indah, dibaik pulih di bawah projek Ceria.

"Namun, masalah vandalisme perlu diselesaikan dahulu. Tiada gunanya membaik pulih lif tersebut tetapi akan dirosakkan semula.

"Jadi, JMB perlu memainkan peranan dan Pegawai Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbadanan Klang (MPK) akan diarah membantu nanganannya," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri tidak lagi menanggung 100 peratus kos baik pulih dengan mewujudkan Program Baik pulih Negeri Berkebajikan (Ceria).

"Dengan program itu, kerajaan negeri hanya menanggung 80 peratus kos manakala 20 peratus lagi ditanggung penduduk secara ansuran.

"Kerajaan negeri berpandang-

an, jika penduduk menanggung sebahagian kos baik pulih, secara tidak langsung kemudahan yang ada dapat dijaja sebaik mungkin bagi mengelakkan kerosakan berulang," katanya.

Sementara itu, Iskandar berkata, kerajaan negeri akan memulakan kajian dari sudut perundangan bagi membantu JMB mendakwa pelaku vandalisme di mahkamah.

Menurutnya, kempen membanteras vandalisme dilancarkan pada penggal lalu dan kini masanya mengambil tindakan tegas.

"Skim Rondaan Kejiranan (Seroja) juga diwujudkan bagi membanteras vandalisme di pangsapuri kos rendah.

"Dalam skim serupa seperti Rukun Tetangga, penduduk akan buat rondaan di kawasan pangsapuri dan kerajaan negeri akan menanggung kos rawatan jika berlaku kemalangan atau musibah," katanya.